

DA'I MILENIA: PERANAN PROGRAM REALITI TELEVISYEN DALAM MEMBENTUK PENDAKWAH MUDA

DA'I MILENIA: THE ROLE OF REALITY TELEVISION IN DEVELOPING YOUNG DAI

Naemah Hanim Illani Mat Said¹,
Othman Ab. Rahman²

¹Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Univesiti Sains Islam Malaysia (illanihanim@usim.edu.my)

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Univesiti Sains Islam Malaysia (othmanrahman@usim.edu.my)

Accepted date: 25 November 2018

Published date: 14 April 2019

To cite this document: Naemah dan Othman (2019). Da'i Milenia: Peranan Program Realiti Televisyen Dalam Membentuk Pendakwah Muda. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 167-175.

Abstrak: *Pendakwah (da'i) memainkan peranan penting dalam penyebaran ajaran Islam. Pendakwah yang berjaya adalah mereka yang mampu menarik minat kumpulan sasaran (mad'u) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang supaya mempelajari dan menghayati ajaran Islam sebagai cara hidup. Seiring dengan perkembangan teknologi, dakwah melalui media menjadi landasan utama bagi pendakwah memenuhi tuntutan dakwah dengan lebih kreatif. Program realiti televisyen bergerak sebagai ejen dakwah yang menyebarkan mesej dakwah dalam mendidik pendakwah muda bagi menceburkan diri untuk berdakwah melalui media. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan dakwah, pelbagai persiapan perlu dilakukan oleh para pendakwah terutamanya bagi mereka yang berdakwah menggunakan media agar dakwah tersebut mencapai sasaran. Oleh itu, kajian ini membincangkan bagaimana peserta Da'i Milenia mempersiapkan diri untuk menjadi seorang pendakwah. Selain itu, kajian ini mengupas cabaran pendakwah muda melalui pengalaman para peserta Da'i Milenia. Akhir sekali, kajian ini juga menekankan peranan Da'i Milenia dalam membentuk ikon pendakwah muda. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif; melalui temubual secara mendalam untuk mencapai objektif kajian. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa Da'i Milenia memainkan peranan yang penting dalam membentuk pendakwah muda bagi membantu mereka menyebar luas dakwah kepada masyarakat mengikut kemampuan mereka. Ia juga merupakan satu pentas untuk mendedahkan bakat yang terdapat di dalam diri pendakwah muda. Dengan menyertai Da'i Milenia, mereka menjadi lebih yakin untuk menyebarkan dakwah Islam dalam masyarakat.*

Kata kunci: *Dakwah, Pendakwah, Da'i Milenia, Pendakwah Muda.*

Abstract: *Da'i plays an important role in disseminating Islamic teachings. Successful da'i are those who are able to attract the interest of the target group (mad'u) from various backgrounds*

in order to learn and live the teachings of Islam as a way of life. Along with technological developments, da'wah through the media became the main mechanism for da'i to fulfill the demands of da'wah productively. The television reality program is one of the mechanisms of da'wah which spreads the da'wah message in educating young da'i about how to perform da'wah through the media. However, through the implementation of da'wah, the da'i need to carry out the numerous preparations especially for the da'i that conducted the da'wah through media. Therefore, this study has discussed how the Da'i Milenia participants prepared themselves to become preachers. In addition, this study has examined the challenges of young preachers through the experiences of Da'i Milenia participants. Finally, this study also has highlighted the role of Da'i Milenia in forming the icon of young preachers. This study used qualitative methods; through in-depth interview to achieve the objectives of the study. Generally, the study found that Da'i Milenia played an important role in developing young da'i. It helps them to spread da'wah to the society within their capability. It is also a stage to reveal the talent available in young da'i. With the opportunities provided, participants are able to expose their talents, skills and knowledge. Being in the Da'i Milenia, the experiences help them become more confident to face the society.

Keywords: *Da'wah, Da'i, Da'i Milenia, Young Da'i*

Pengenalan

Dakwah adalah sebahagian daripada tuntutan agama yang harus dilaksanakan oleh setiap Muslim. Namun begitu, dakwah pada hari ini memerlukan kepada kaedah yang lebih efektif, sesuai dengan keadaan semasa dan generasi terkini. Usaha-usaha dakwah perlu digiatkan lagi supaya mesej dakwah sampai kepada kumpulan sasaran. Pendekatan dakwah juga perlu berhemah dan berbeza berdasarkan latar belakang kumpulan sasaran.

Perkembangan teknologi telah membantu pelaksanaan aktiviti dakwah yang berbentuk tradisional seperti pengajian agama di masjid kepada dakwah yang lebih produktif iaitu melalui pendekatan media. Menurut Saodah, Rizalawati, Zakirah & Sakinah (2012), terdapat banyak program keagamaan yang disiarkan melalui saluran televisyen yang berbeza. Bermula era millenium, program realiti televisyen semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat (Sapra, 2014). Konsep realiti yang dicipta oleh penerbit rancangan menyebabkan penonton ingin mengetahui lebih lanjut mengenai peserta (Nabi, 2003). Ini bermakna berlaku persaingan antara para peserta dalam membuat persembahan bagi merebut kedudukan yang terbaik dalam program realiti tersebut.

Di Malaysia khususnya, kemunculan program realiti televisyen Islam adalah salah satu saluran yang menjadikan dakwah melalui media lebih meluas dan komprehensif. Ianya adalah medium bagi pendakwah untuk menonjolkan imej Islam dan menyampaikan mesej dakwah (Saodah et al., 2012). Komunikasi secara tidak langsung ini telah menyebabkan dakwah lebih santai dan mudah diterima oleh masyarakat (Ainurliza, Azmir, Norazirawati & Kareelawati, 2012). Pelaksanaan dakwah melalui program ini menerapkan nilai-nilai Islam yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Kupasan tentang isu semasa menjelaskan bahawa Islam bukan sekadar agama tetapi merupakan salah satu gaya hidup.

Penyataan Masalah

Pendakwah memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti dakwah sentiasa berterusan. Namun, melalui program realiti televisyen Islam, pelaksanaan dakwah dilihat

mengalami kemerosotan apabila dakwah dijadikan sebahagian daripada hiburan (Dicky Sofjan dan Mega Hidayati, 2013). Amalan kontemporari dakwah yang diubahsuai dengan iringan muzik dan lagu telah menyebabkan pendakwah lebih dikenali sebagai penghibur berbanding agamawan (Harussani zakaria, 2015). Hujah yang dikemukakan oleh pendakwah muda tidak dinilai berdasarkan pengetahuan keagamaan tetapi hanya berdasarkan populariti semata-mata (Hasrizal, 2014). Malahan faktor usia yang muda dan limitasi ilmu agama menyebabkan peserta program ini cenderung untuk melakukan kesilapan dalam berhujah (Ridhuan Tee, 2014).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi membincangkan objektif kajian berikut:

- 1) Untuk mengenalpasti bagaimanakah peserta Da'i Milenia mempersiapkan diri untuk menjadi seorang pendakwah.
- 2) Untuk mengupas cabaran yang dihadapi oleh peserta Da'i Milenia untuk menjadi pendakwah muda semasa menyertai program realiti tersebut.
- 3) Untuk membincangkan peranan Da'i Milenia dalam membentuk ikon pendakwah Muda.

Pengenalan Kepada Da'i Milenia

Program realiti Da'i Milenia adalah medium bagi pendakwah muda untuk menyerlahkan bakat dalam melaksanakan dakwah melalui media. Nama "Da'i Milenia" membawa bermaksud aktiviti dakwah yang dilakukan oleh pendakwah muda pada era milenium. Menurut Shukri (2015), Da'i berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud pendakwah. Manakala perkataan Milenia adalah simbolik kepada kaedah penyampaian mesej dakwah berbentuk kontemporari dengan menggunakan bantuan teknologi. Program yang menyoroti bakat-bakat pendakwah muda ini bermula sejak 2 Februari 2013 dan telah diteruskan sehingga musim keenam yang berakhir baru-baru ini. Pada setiap musim, program ini akan bersiaran langsung selama 13 episod. Bermula musim pertama, program ini telah mendapat perhatian dan berjaya mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan berdakwah. Ia juga menekankan peranan pendakwah untuk memelihara Islam dan membimbing masyarakat untuk mengikut cara hidup Islam pada zaman yang mencabar. Program ini dibimbing oleh pendakwah-pendakwah yang berkaliber dan terkenal di Malaysia yang dikenali sebagai *Murabbi* (mentor) selain dibantu melalui tunjuk ajar *Mursyid* (ketua mentor) (Shukri, 2015). Program ini dikhususkan (terbuka) kepada mereka yang berumur di bawah 30 tahun iaitu generasi baru dalam bidang *da'wah*. Pada musim ketiga, Da'i Milenia memaparkan sedikit kelainan kerana penyertaan peserta lelaki dan wanita adalah seimbang. Berbanding musim sebelumnya, peserta lelaki lebih mendominasi peserta wanita. Menariknya, tidak semua peserta yang berlatarbelakangkan pengajian agama dipilih. Antara tugas yang ditetapkan kepada para peserta adalah memberikan sumbangan dalam bentuk ceramah di masjid, membimbing ahli keluarga angkat di salah sebuah asrama anak yatim, sehari bersama muallaf dan lain-lain lagi. Program keagamaan ini dirangka untuk menguji keupayaan minda dan kreativiti kaedah dakwah setiap peserta.

Metodologi Dakwah Di Dalam Quran

Pendakwah mempunyai peranan penting dalam membimbing manusia ke arah yang benar. Setiap pendakwah mestilah mempunyai kebijaksanaan dalam memberi bimbingan kepada kumpulan sasaran mereka (Abdul Aziz, 1996). Al-Quran menganjurkan kaedah berdakwah seperti mana firman Allah SWT di dalam Surah An-Nahl, ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِّ لَهُمْ بِأَتْيِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

125. "Panggillah kepada Tuhanmu dengan hikmat dan nasihat yang baik, dan berselisihan dengan mereka dengan cara yang terbaik; Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui orang-orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lebih mengetahui orang-orang yang mengikuti jalan yang benar".

Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa kaedah dakwah yang dianjurkan oleh Quran harus diselaraskan mengikut tujuan dakwah dan kumpulan sasaran. Menurut *Sayyid Qutub* dalam tafsirnya *Fi Zhilalil Al-Qur'an*, dakwah bilhikmah adalah bermaksud menyampaikan ilmu pengetahuan mengikut tahap kemahiran dan latar belakang kumpulan sasaran. Pendakwah perlu bijak dalam menyampaikan dakwah supaya kumpulan sasaran dapat menerima mesej tersebut tanpa rasa terbeban dan sukar. Bagi kumpulan sasaran yang belum bersedia untuk menerima Islam, perancangan yang rapi perlu dirangka oleh pendakwah supaya kumpulan sasaran dapat mencerna dan memahami penyampaian mesej yang dibuat oleh para pendakwah.

Dakwah juga boleh dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *mau'izhah hasanah* (nasihat). Nasihat yang baik dapat menembusi hati yang lembut dan jiwa yang halus. Kata-kata yang disampaikan juga perlu bersesuaian dengan tahap ilmu dan kefahaman mereka. Dakwah harus dilakukan dengan baik dan sejajar dengan *sirah* (sejarah) zaman Nabi Muhammad SAW; yang tidak ada paksaan untuk memeluk agama Islam sebagaimana Allah menyatakan Quran Surah Al-Baqarah, ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

256. Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Seiring dengan kemajuan dunia, teknologi berkembang dengan pesat tanpa batasan. Keadaan ini perlu dimanfaatkan bagi membantu usaha dakwah mencapai objektif dan sasaran. Media menjadi salah satu ejen yang boleh menggiatkan lagi pelaksanaan dakwah.

Metod Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Keyton (2006), kajian yang berasaskan pengalaman dan pencapaian seseorang individu adalah lebih sesuai menggunakan pendekatan kualitatif. Sasaran kajian adalah penerbit dan peserta Da'i Milenia bermula daripada musim pertama hingga musim ketiga. Mereka adalah pendakwah yang menjalankan aktiviti dakwah secara aktif sejurus berakhirnya program Da'i Milenia. Seramai lima subjek kajian iaitu seorang penerbit dan empat peserta Da'i Milenia telah ditemubual secara mendalam dan teliti bagi memperolehi data kajian yang tepat. Menurut Cohen, Kahn dan Steeves (2002), sampel kajian yang sedikit dapat membantu penyelidik untuk lebih menumpukan perhatian secara berfokus kepada seseorang subjek kajian. Selepas menjalankan proses temubual, proses

menganalisa data kajian dijalankan dengan membuat sesi pembacaan hasil transkripsi secara berulang kali. Idea dan perkataan yang membawa makna yang berkaitan telah dibentuk menjadi tema dan pola dapatan kajian. Interpretasi secara deskriptif telah dibuat bagi melaporkan dapatan kajian berdasarkan hasil temu bual subjek kajian.

Jadual 1: Peserta Kajian

Kod	Jantina	Musim
Pendakwah 1	Perempuan	1
Pendakwah 2	Perempuan	2
Pendakwah 3	Lelaki	1
Pendakwah 4	Lelaki	3
Penerbit	Lelaki	1-3

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Persiapan Untuk Menjadi Pendakwah

Untuk menjadi pendakwah, kajian ini mendapati persiapan pertama yang perlu dilakukan adalah dengan memperhalusi *niat* (tujuan) untuk menyertai program realiti tersebut. Mereka harus mempunyai *niat* yang murni supaya dakwah tersebut menjadi salah satu *ibadah*. Segala usaha dakwah perlulah dinisbahkan hanya kepada Allah. Pendakwah 2 menjelaskan aspek pertama yang perlu dititikberatkan ialah pedakwah perlu jelas tentang maksud dakwah. Aspek ini perlu diteliti kerana *niat* untuk melaksanakan dakwah perlu disandarkan kepada Allah. *Niat* yang ikhlas berupaya untuk membawa seseorang ke landasan yang betul dalam dimensi dunia dakwah. Ia juga disokong oleh Pendakwah 4 yang turut menyebut tentang '*mindset*' dan sentiasa memperingati diri sendiri tentang tujuan menyertai rancangan tersebut. Ini kerana *niat* yang baik akan memperoleh ganjaran di sisi Allah. Jadi apa sahaja yang mereka lakukan; niatnya mesti kembali kepada Allah.

Niat merupakan titik permulaan yang akan memainkan peranan penting dalam melaksanakan dakwah kepada masyarakat. Abdul Basit Abdurrahman (2014) menjelaskan bahawa pentingnya niat dan ikhlas sepanjang melakukan kerja dakwah. Kesungguhan mereka akan dihitung sebagai ibadah dan dikurniakan ganjaran pahala berdasarkan niat yang baik dan ikhlas kerana Allah. Sekiranya niat berdakwah adalah berasaskan kepada kemasyhuran, maka ianya akan membawa kebinasaan. Pendakwah tidak akan bekerja dengan ikhlas dan masyarakat akan semakin kacau bilau tanpa dorongan ilmu daripada pakar agama. Hasan Al-Banna, Ab Mumin Ab Ghani dan Siti Arni (2015) menjelaskan bahawa niat yang jelas dan matlamat yang berwawasan mampu untuk membantu seseorang individu agar melahirkan kejujuran dalam melakukan sesuatu perkara. Ini kerana niat memainkan peranan bagi memastikan sesuatu amalan itu dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Rasulullah juga menyarankan agar umatnya untuk memulakan setiap perkara dengan dengan mempunyai niat yang betul sebagaimana hadis berikut:

إنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ ما نوى

“*Sesungguhnya segala amalan itu bermula (bergantung) denganniat, dan hanya bagi setiap manusia itu apa (balasan) yang diniatkannya.*”

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim RA)

Di samping itu, persiapan lain yang perlu dilakukan untuk menyertai Da'i Millennia ialah dengan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Mereka perlu bersiap sedia dari sudut isu-isu semasa, agama, dan sains. Teknik-teknik berdakwah yang sesuai juga perlu dikuasai supaya dakwah disampaikan dengan cara yang betul dalam waktu yang sesuai. Tambahan, Pendakwah 4 menjelaskan bahawa antara persiapan yang dilakukan adalah mengulangkaji ilmu-ilmu agama mengenai bidang *Akidah, Feqah, Akhlak Tasawuf* dan pengetahuan asas lain mengenai ajaran Islam. Mereka juga mempelajari ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan media agar dakwah lebih terarah dan rapi. Pendakwah muda yang lahir daripada program realiti keagamaan Da'i Milenia memerlukan persiapan yang rapi melebihi daripada persiapan yang mereka lakukan sepanjang menjadi peserta program tersebut. Abdul Basit Abdurrahman (2014) juga mencadangkan agar pendakwah muda untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dengan cara merujuk kepada kitab dan menghadiri kelas agama supaya hujah yang disampaikan kukuh dan *sahih* untuk dikongsi dengan khalayak umum. Menjadi pendakwah muda di media dan televisyen adalah tidak menjadi kesalahan kerana ianya adalah keperluan dalam konteks dakwah kontemporari dan dunia tanpa sempadan hari ini. Namun begitu, ilmu pengetahuan berkaitan agama perlulah mantap sebelum disampaikan supaya masyarakat lebih terarah menuju kebaikan. Ianya juga dapat membantu menjalankan Sunnah perjuangan dakwah rasulullah yang berasaskan *amar makruf nahi mungkar* (menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran).

Cabaran Menjadi Pendakwah Muda

Dalam usaha untuk menjadi pendakwah muda, mereka menghadapi banyak cabaran semasa dan selepas menyertai Da'i Milenia. Mereka perlu belajar untuk memastikan ilmu pengetahuan sentiasa bertambah. Setiap hujah yang dikeluarkan perlu bergantung kepada sumber yang betul dan sahih. Menurut Pendakwah 3, sebelum membuat persembahan, beliau akan memastikan input yang akan disampaikan disemak oleh pakar yang berpengalaman. Ini adalah untuk memastikan isi persembahannya adalah selari dengan Quran dan Sunnah. Isu-isu semasa turut dikupas agar masyarakat tertarik untuk mendengarnya. Pendakwah 4 juga menekankan hujah mereka perlu berasaskan kepada dalil yang tepat agar masyarakat percaya dan yakin dengan hujah yang diutarakan. Jika hujah tersebut tidak disertakan dengan dalil, dikhuatiri ianya mempunyai kesilapan yang boleh membawa kepada kekeliruan dalam masyarakat. Ini bertepatan dengan penjelasan daripada Ridhuan Tee (2014) yang menyebut tentang golongan pendakwah perlu berhati-hati sebelum mengeluarkan pandangan atau pendapat. Islam melarang perbuatan tergesa-gesa dalam menyampaikan ilmu agama kerana dikhuatiri tersilap dalam menyampaikan hujah. Pendakwah muda digesa untuk jujur dan berterus terang sekiranya mereka tidak tahu tentang sesuatu perkara. Ini menggalakkan pendakwah muda supaya sentiasa menuntut ilmu dengan lebih lanjut.

Selain itu, terdapat juga sebahagian kumpulan sasaran yang tidak memahami sepenuhnya konsep dakwah yang menjadikan usaha dakwah lebih mencabar. Sebagai pendakwah muda, mereka menghadapi situasi yang sukar apabila berlainan pendapat dengan golongan kumpulan sasaran. Perselisihan yang melampau adalah berpunca daripada golongan kumpulan sasaran yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh para pendakwah muda. Pendakwah 2 berkongsi pengalaman beliau apabila berhadapan situasi dipandang rendah oleh masyarakat hanya kerana perbezaan pendapat. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Maszlee Malik (2014) bahawa pendakwah muda digesa supaya bersikap lebih terbuka dan bersiap sedia untuk menghadapi kritikan masyarakat. Golongan kumpulan sasaran yang terdiri daripada pelbagai latar belakang memerlukan pendakwah untuk lebih tabah dan berani. Mereka

perlu lebih peka dengan kritikan yang disampaikan tanpa menzahirkan kebencian kepada pengkritik.

Di samping itu, sepanjang tempoh berada dalam program Da'i Milenia, para peserta perlu mempunyai stamina dan tahap kesihatan yang memberangsangkan. Aktiviti yang dilakukan memerlukan peserta untuk mempunyai keadaan fizikal dan mental yang baik. Mereka juga terlibat dengan tanggungjawab sosial dengan masyarakat. Komitmen mereka bukan sekadar untuk melakukan persembahan di televisyen. Mereka juga perlu menyantuni masyarakat supaya golongan pendakwah muda ini akan lebih dikenali.

Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah, & Sayuti (2018) juga menegaskan bahawa pendakwah pada masa kini tidak boleh untuk sentiasa berada di zon selesa (comfort zone) sebaliknya perlu terus menerokai kaedah dakwah yang lain. Pendakwah juga perlu bersikap terbuka dan berlapang dada dalam mengimplementasi proses lapangan dakwah. Konsep dakwah yang sebenar boleh ditampilkan dalam pelbagai bentuk interaksi dalam masyarakat dan khalayak umum. Menurut Mohd Hasrul dan Mohd Fauzi (2015), nilai-nilai penting individu muslim yang ditekankan oleh Imam Al-Ghazali adalah beramanah dan bertanggungjawab. Sesuatu amanah adalah ketaatan dan kefardhuan yang perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Pendakwah yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pekerjaan dakwah perlulah memenuhi tuntutan tersebut kerana mereka akan dipertanggungjawabkan dengan tuntutan tersebut.

Peranan Da'i Milenia Dalam Membentuk Pendakwah Muda

Da'i Milenia merupakan salah satu platform penyebaran dakwah terkini generasi muda. Ia membantu pendakwah untuk meluaskan dakwah kepada masyarakat mengikut batasan dan kemampuan mereka. Menurut Pendakwah 1, Da'i Milenia adalah pentas untuk pendakwah muda mengembangkan usaha dakwah kepada pelbagai golongan masyarakat Islam dan bukan Islam. Mereka juga diajar cara menyampaikan mesej dakwah dengan lebih komprehensif. Penggunaan media dan internet menjadikan dakwah lebih mudah mendapat tempat dalam masyarakat. Selain itu, Da'i Milenia juga merupakan medium untuk menyerlahkan bakat yang ada pada pendakwah muda. Mereka didedahkan dengan cara untuk mengimplementasi kemahiran dan pengetahuan yang betul. Proses ini membantu pendakwah muda untuk menjadi lebih matang. Pendakwah 4 menyatakan Da'i Milenia mendorong mereka untuk lebih yakin ketika membuat persembahan di atas pentas. Persekitaran yang berbentuk ilmiah mendidik mereka untuk bertindak dengan rasional berdasarkan ilmu dan pengalaman. Setelah menyertai program keagamaan ini, mereka berjaya meningkatkan diri kepada keadaan yang lebih baik. Natiujahnya, terdapat perkembangan yang positif pada diri berbanding dengan sebelum menyertai program ini. Pendakwah 1 mengatakan beliau dibantu oleh para *asatizah* yang berpengalaman dan berpengetahuan untuk menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan. Sebagai pendakwah muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang dakwah mungkin tidak terlepas dari melakukan kesilapan. Tetapi dengan adanya bantuan dan bimbingan daripada pengajar dan pihak produksi program, ianya membantu meningkatkan prestasi dan meminimumkan kesilapan.

Dakwah melalui media membolehkan pihak tertentu mengambil peluang untuk memenuhi tuntutan dakwah mengikut keistimewaan dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Media adalah salah satu kaedah dakwah kontemporari khususnya melalui program realiti televisyen. Usaha murni untuk menekankan unsur dakwah dalam program keagamaan ini mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri. Da'i Milenia adalah pentas bagi pendakwah muda untuk menonjolkan bakat mereka dalam usaha untuk berdakwah secara kreatif. Ianya adalah peluang

untuk mereka membina keyakinan diri dan memanfaatkan pengalaman serta pengetahuan baru yang diperolehi. Yusri Mohamad (2014) mengatakan pendakwah muda hasil daripada program realiti televisyen memerlukan pengalaman dan pengetahuan yang lebih tinggi. Namun begitu, mereka boleh mendorong masyarakat untuk mempelajari tentang Islam.

Manakala, menurut hasil temubual mendalam bersama temubual penerbit Da'i Milenia, program ini telah mendidik peserta yang tidak mempunyai pengalaman untuk mengembangkan bakat mereka supaya lebih menonjol ketika berhadapan khalayak ramai. Antara aspek yang ingin ditunjukkan kepada penonton adalah kebolehan peserta untuk memanfaatkan teknologi. Hasil pencarian maklumat itu bukan sahaja untuk kepentingan diri tetapi juga untuk perkara agama. Mereka turut memanfaatkan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dengan menyebarkan mesej dakwah yang sesuai kepada masyarakat. Hasil didikan daripada *murobbi* dan *mursyid* berpengalaman membantu mereka untuk berdakwah dengan cara yang betul dan sentiasa meningkatkan prestasi diri. Mereka turut menjemput tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu untuk memberikan penambahan ilmu pengetahuan kepada peserta di samping pengetahuan sedia ada. Program ini adalah permulaan bagi pendakwah muda dalam usaha bervariasi usaha dakwah. Mereka telah dipersiapkan untuk tampil lebih yakin berhadapan dengan masyarakat yang penuh cabaran. Sebagai latihan untuk membiatkan mereka dengan soal jawab spontan daripada masyarakat, penerbit rancangan telah menyediakan sesi soal jawab bersama penonton. Dengan pengetahuan asas dan sedikit pengalaman yang diperolehi, ianya akan membantu peserta untuk menangani situasi tersebut dengan bijak. Hasil temubual mendapati peserta-peserta lepasan program ini menjadi jempuan ramai bagi program agama, forum, radio serta televisyen untuk membuat perkongsian bersama masyarakat. Antara peserta yang dikenali adalah finalis daripada musim pertama, Tajdid Hadhari telah diamanahkan untuk menjadi pengacara bagi rancangan keagamaan ternama Jejak Rasul. Bakat yang ditonjolkan oleh beliau membuatkan penerbit rancangan yakin untuk mengembangkan kemahirannya dalam bidang pengacaraan.

Kesimpulan

Media merupakan salah satu saluran untuk dakwah dalam abad ke-21 ini. Ianya dimanfaatkan untuk membawa mesej Islam dengan cara yang lebih santai. Berbanding dengan kaedah tradisional, penggunaan media adalah lebih komprehensif dan kontemporari. Oleh itu, pendakwah yang mempunyai kemahiran dan akses kepada teknologi perlu memanfaatkan peluang ini untuk memaksimumkan keberkesanan dakwah kepada masyarakat. Dakwah melalui media perlu menampilkan ajaran Islam dengan kreatif supaya dapat diterapkan sebagai gaya hidup. Da'i Milenia merupakan salah satu cabang daripada media merupakan program keagamaan yang mendidik pendakwah muda untuk memeriahkan lagi usaha dakwah. Tenaga pendakwah muda dapat dimaksimumkan dan kecanggihan teknologi dimanfaatkan untuk usaha yang baik. Dengan adanya peluang bagi meningkatkan pengetahuan dan platform untuk berdakwah, pendakwah muda diajar untuk lebih berani menghadapi masyarakat. Cabaran dan limitasi ilmu membuatkan mereka sentiasa perbaiki diri. Walaupun masih belum mampu untuk menjadi pakar rujukan dalam masyarakat, mereka boleh menjadi suri teladan yang mengajak masyarakat untuk mengenali Islam dengan lebih baik.

Rujukan

- Abdul Aziz. (1996). "Minhaj Dakwah Masa Kini: Suatu Pengenalan". Jurnal Usuluddin. Kuala Lumpur: Universtiti Malaya. pp 77-101.
- Abdul Basit Abdulrahman. (2014). "Ustaz Selebriti: Ciri-Ciri Pendakwah & Agama". *Majalah I. Selangor: Karangraf*. Vol 140. June. pp 18-19.
- Ainurliza, M. R., Mohd Azmir, M. N., Norazirawati, A., & Nur Kareelawati, A. K. (2012). "Imam Muda" reality show: an analysis of non-verbal communication of young Imam. *Elixir International Journal*, 43 (February), 6898–6904.
- Burhanuddin, J., Amnah Saayah, I., & Sayuti, A. G. (2018). Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Soroton, 4(1).
- Cohen, M. Z., Kahn, D. L., & Steeves, D. L. (2000). Hermeneutic phenomenological research: A practical guide for nurse researchers. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hasrizal Abdul Jamil. (2014). "Keghairahan Menjadi Selebriti Agamawan". *Majalah I. Selangor: Karangraf*. Vol 140. June. pp 20-21.
- Keyton, J. (2006). Communication Research Asking Questions, Finding Answers. 2nd Edition. New York: McGraw-Hill.
- Maszlee Malik. (2014). "Hormati Disiplin Ilmu". *Majalah I. Selangor: Karangraf*. Vol 140. June. pp 22-23.
- Md Rozalafri, J., & Megat Al-Imran, Y. (2014). Menyubur Fikrah Islam Penerbit Rancangan TV Islamik: Suatu Sorotan Pandangan Dunia dan Falsafah Universiti (pp. 978–983). Selangor.
- Mohd Hasrul, S., & Mohd Fauzi, H. (2015). Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil. 9 Januari 2015, 41–60.
- Nabi, R. L., Biely, E. N., Morgan, S. J., & Stitt, C. R. (2003). Reality-Based Television Programming and the Psychology of Its Appeal. *Media Psychology*, 5(4), 303–330. https://doi.org/10.1207/S1532785XMEP0504_01.
- Ridhuan Tee Abdullah. (2014). " Fenomena Astizah Segera". *Sinar Harian*. 21 April. Retrieved from: <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/ridhuan-teeabdullah/fenomena-asatizah-segera-1.272574>.
- Saodah, W., Rizalawati, I., Zakirah, A., & Sakinah, L. S. (2012). Extended Hierarchy-of-Effect Model and its Application on Islamic Reality Shows towards Malay Community in Malaysia. *Irep.Iium. Edu.My*, (March 2012), 1–21. <https://doi.org/10.1177/1750481312457500>.
- Sapra, I. (2014). Reality Shows and Its Impact. *Journal of English Language and Literature*, 3(1), 15–17.
- Sayyid Qutb. (2003). *Fi Zilalil Quran* (Terjemahan). Jakarta: Gema Insan Press.
- Shukri Ibrahim. (2015). "Da'i Milenia: Peranan Realiti TV Dalam Membentuk Pendakwah Muda". *Interview*. 13 October.
- Sofjan, D., & Hidayati, M. (2013). *Religion and Television in Indonesia: Ethics Surrounding Dakwahtainment*. (C. Stuckelberger, Ed.). Switzerland: Globaethics.net. Retrieved from www.globaethics.net.
- Yusri Mohamad. (2014). "Akhlak Diutamakan Bukan Sekadar Ilmu". *Majalah I. Selangor: Karangraf*. Vol 140. June. pp 20-21.